

# Kuota haji Malaysia meningkat

Seramai 31,600 orang berbanding 30,200 jemaah pada tahun lalu

SEPANG

Kuota rasmi haji untuk Malaysia bagi tahun ini (1441 Hijrah) meningkat kepada seramai 31,600 orang berbanding seramai 30,200 jemaah pada tahun lalu.

Menyertai sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sebaik sahaja tiba dari Riyadhb semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof berkata, penambahan kuota seramai 1,400 orang itu adalah hasil rundingan kerajaan Malaysia, khususnya Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerajaan Arab Saudi untuk mempertimbangkan kenaikan jumlah kuota seiring dengan peningkatan populasi penduduk Malaysia.

"Kita diberikan kuota seramai 30,200 jemaah berpandukan sebanyak 0.01 peratus penduduk yang diambil populasi kita yang tidak dikemas kini (iaitu populasi 30 juta) tetapi mengikut versi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2017, penduduk Malaysia telah meningkat iaitu seramai 31,600,000

orang.

"Kerana keputusan OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam) yang menyatakan setiap negara dapat (kuota haji) 0.01 peratus daripada populasi penduduknya, maka kita memaklumkan peningkatan mengikut statistik PBB terbaru itu," katanya kepada pemberita pada sidang media khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sebaik sahaja tiba dari Riyadhb semalam.

Mujahid yang berada tiga hari di Arab Saudi sejak Ahad lalu mengadakan pertemuan dengan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Mohammad Saleh Taher Benten di Makkah bagi membincangkan isu-isu berkenaan hal ehwal pengurusan dan persiapan jemaah haji dari Malaysia bagi musim haji 1441H.

Beliau turut mengadakan perbincangan bersama Menteri Hal Ehwal Agama, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi, Sheikh Abdullatif Abdulaziz Al-Sheikh di Riyadhb sebelum pulang ke Malaysia.

Mujahid berkata, dengan penambahan kuota rasmi itu, ia akan dapat mengurangkan jumlah mereka yang menunggu untuk menunaikan ibadah haji bagi musim haji 1441H dan tahun-tahun



Mujahid (tengah) pada sidang media di KLIA, Sepang sejurus tiba dari Arab Saudi semalam.

berikutnya, sekali gus memendekkan tempoh giliran.

"Insya-ALLAH, pada tahun ini seramai 31,600 jemaah Malaysia dapat menunaikan haji," katanya.

Ditanya mengenai bagaimana perse-

diaan pihak TH dalam penambahan kuota itu, Mujahid berkata: "Alhamdulillah, sudah tentu apabila kita yang meminta (penambahan kuota haji), jadi pihak TH sudah bersedia dan semua aspek telah diambil kira." - Bernama